



Rabu – 3 Mac 2021

Halaman : 7

Perlu permit ke Pos Senderut, Lenjan

Lipis: Pejabat Hutan Daerah (PHD) Lipis mengadakan sekatan di pintu masuk Pos Senderut dan Pos Lenjan di sini, bagi menghalang orang luar memasuki dua penempatan Orang Asli itu tanpa permit.

Pegawai Pejabat Hutan Daerah (PHD) Lipis Nor Shahrini Nordin Ahmad berkata, kedua-dua pe-

nempatan Orang Asli berkenaan termasuk beberapa kampung kecil lain terletak dalam kawasan Hutan Simpan Ulu Jelai di bawah pengawasan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP).

Menurutnya, PHD Lipis mula mengadakan sekatan sejak tahun lalu yang bertujuan mengesan serta

menghalang orang luar cuba memasuki hutan simpan daerah ini tanpa permit diluluskan JPNP.

Katanya, sebelum ini terdapat ramai orang luar yang terdiri daripada peniaga warga asing dan pelancong berunjung ke Pos Senderut serta Pos Lenjan dengan memasuki hutan simpan tanpa permit.